

Isnin, Apr 16 2018

Bukti Bank Dunia iktiraf ekonomi negara

UTUSAN 16/4

PEKAN 15 April - Penilaian semula unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang diterima Malaysia sebanyak empat kali dalam tempoh 16 bulan daripada Bank Dunia mencerminkan ekonomi negara berada dalam landasan baik dan semakin pesat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kejayaan itu merupakan satu pengiktirafan kerana Malaysia merupakan satu-satunya negara yang memperoleh empat unjuran dalam tempoh tersebut.

"Sebagai sebuah kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) di bawah saya, kita telah mengolah konsep dan falsafah pembangunan, strategi serta perancangan yang teliti lagi jitu untuk membawa negara ke hadapan sehingga menjadi antara negara paling berjaya di dunia suatu hari nanti.

"Saya percaya ciri-ciri dan tanda-tanda ke arah matlamat tersebut sudah boleh kita lihat di merata-rata tempat dalam negara. Antaranya kejayaan menyiapkan projek Transit Aliran Massa (MRT) lebih awal dengan kos di bawah jumlah sebenar dan pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang akan meningkatkan kadar pertumbuhan sebanyak 1.5 peratus," katanya.

Khamis lalu, laporan terkini Ekonomi Asia Timur dan Pasifik Bank Dunia menyatakan Malaysia dijangka mencatatkan KDNK 5.4 peratus tahun ini berbanding unjuran 5.2 peratus sebelumnya yang didorong oleh pengukuhan penggunaan swasta.

Najib berkata, jika hasil negara meningkat, kerajaan pimpinan BN akan terus berpegang kepada prinsip pengagihan kekayaan kepada rakyat terutama mereka di bawah golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

Sebagai contoh, beliau merujuk pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang dinaikkan 100 peratus selain menambah kategori penerima bantuan itu selepas melihat pendapatan negara meningkat ekoran peningkatan harga minyak mentah dan kutipan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Sementara itu, Perdana Menteri mengumumkan pelaksanaan projek menaik taraf jalan Persekutuan dari bandar Pekan ke Kampung Sungai Miang di sini sepanjang 14.7 kilometer melibatkan peruntukan sebanyak RM338 juta.

Beliau berkata, projek itu dilaksanakan oleh kontraktor Teras Sari

Benau berkata demikian ketika berucap dalam majlis pecah tanah projek menaik taraf jalan Persekutuan dari bandar Pekan ke Kampung Sungai Miang di sini, hari ini.

Yang hadir sama ialah Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Tan Sri Ahmad Zaki Ansore Mohd. Yusof; Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Zohari Akob dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan, Datuk Seri Abu Bakar Harun.

Resources Sdn. Bhd. dan dijangka siap pada 28 Februari 2022.

“Kerja untuk melaksanakannya telah bermula pada 1 Mac lalu. Pelaksanaannya sudah pasti memudahkan perhubungan keluar dan masuk ke bandar Pekan.

“Walaupun tidak sampai ke Endau (Johor), ini boleh dianggap sebagai titik permulaan jalan dari Pekan ke selatan yang boleh dilanjutkan kepada fasa seterusnya mengikut kepada kemampuan,” katanya.